



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

KUNJUNGAN HORMAT MENTERI PERTANIAN BRAZIL KUKUHKAN HUBUNGAN PERDAGANGAN & PERTANIAN

PUTRAJAYA, 25 OKTOBER 2025 – YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah menerima kunjungan hormat daripada TYT Carlos Fávaro, Menteri Pertanian dan Ternakan Brazil pada 24 Oktober 2025. Kunjungan hormat ini merupakan sebahagian daripada siri lawatan TYT Carlos Fávaro ke Malaysia sempena Sidang Kemuncak ASEAN yang dipengerusikan oleh Malaysia pada tahun ini.

Pada tahun 2024, nilai perdagangan dua hala dalam sektor pertanian antara Malaysia dan Brazil telah mencecah RM8.36 bilion. Daripada jumlah tersebut, eksport Malaysia direkodkan sebanyak RM0.88 bilion, yang merangkumi pelbagai produk makanan dan bahan berasaskan pertanian. Sementara itu, import utama Malaysia dari Brazil terdiri daripada gula, produk berasaskan gula dan madu, produk makanan dan bahan berasaskan pertanian termasuk produk daging yang menjadikan Brazil antara rakan dagang penting Malaysia dalam sektor komoditi pertanian.

Ini merupakan pertemuan kedua antara kedua-dua pemimpin ini selepas lawatan kerja rasmi YB Menteri ke Brazil pada tahun lalu. Pertemuan tersebut membuka ruang kepada kedua-dua pihak untuk membincangkan potensi kerjasama dalam bidang agromakanan serta memperluas kolaborasi dalam teknologi pertanian, termasuk peluang penyelidikan dan pembangunan (R&D) bersama antara Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan *Brazilian Agricultural Research Corporation* (Embrapa).

Malaysia menzahirkan hasrat untuk memperluas akses pasaran bagi produk tempatan ke pasaran Brazil, termasuk produk ayam dan daging bernilai tambah, *liquid eggs*, makanan haiwan peliharaan (*pet food*) serta vaksin haiwan. Malaysia berharap agar pihak Brazil dapat memberikan pertimbangan positif terhadap permohonan ini. Selain itu, Malaysia turut menyatakan minat untuk memperkukuh kerjasama dalam

pembangunan varieti baharu tanaman seperti jagung bijian (*grain corn*) dan kelapa bagi meningkatkan hasil dan kecekapan pengeluaran tempatan.

Kunjungan ini diyakini dapat membuka lembaran baharu dalam memperkukuh hubungan dua hala antara Malaysia dan Brazil, di samping meningkatkan perdagangan, pelaburan serta pertukaran kepakaran dalam sektor pertanian dan keterjaminan makanan.

Hadir sama dalam kunjungan ini ialah YBhg. Dato' Sri Norazman Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar); YBhg. Dato' Luqman bin Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

